

06 NOV 2001

Mahathir-EAEG

ASEAN+3 MINAT TUBUH EAEG DAN SIDANG KEMUNCAK ASIA TIMUR

Oleh: David Chelliah

BANDAR SERI BEGAWAN, 6 Nov (Bernama) -- Para pemimpin Asean dan tiga rakan dialognya melahirkan minat untuk menubuhkan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) dan mengadakan Sidang Kemuncak Asia Timur, cadangan yang dibuat oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad 11 tahun lepas.

Perdana Menteri berkata negara-negara Asean bersama dengan China, Jepun dan Korea Selatan, juga menyokong cadangan menubuhkan Sekretariat EAEG, dan Malaysia menawarkan diri menjadi tuan rumah.

Ketika bercakap kepada pemberita di hari kedua dan terakhir Sidang Kemuncak Pemimpin-pemimpin Asean Ketujuh di sini hari ini, Dr Mahathir berkata Presiden Korea Selatan Kim Dae Jung amat berharap untuk melihat Asean+3 menjadi EAEG dan meminta agar negara-negara Asean tidak takut dengan penubuhannya.

"Kita akan kembali kepada cadangan asal. Ini adalah hasil kajian kumpulan wawasan. Saya berpendapat memang baik untuk mempunyai kumpulan ini," katanya.

Cadangan menubuhkan EAEG dibuat oleh Dr Mahathir 11 tahun lepas tetapi dibantah oleh Amerika Syarikat di bawah pentadbiran bekas presiden Bill Clinton manakala Jepun dan Korea Selatan pula keberatan untuk menyokong penubuhannya.

Ketika ditanya sama ada Amerika Syarikat akan membantah hasrat Asean+3 menubuhkan EAEG, Dr Mahathir berkata dengan pentadbiran Presiden George W. Bush sekarang, bantahan itu mungkin tidak sekeras dahulu.

Dr Mahathir, yang menghadiri mesyuarat Asean+1 bersama dengan China, Jepun dan Korea Selatan sebelum itu, berkata bahawa Korea Selatan kini bersungguh-sungguh mahukan EAEG ditubuhkan manakala Jepun "merasa senang" dengan cadangan itu.

"Malahan pihak Korea menyebut supaya Asean+3 perlu mempunyai kumpulannya sendiri kerana Amerika dan Eropah mempunyai kumpulan masing-masing," katanya.

Perdana Menteri berkata Malaysia sedia menjadi tuan rumah Sekretariat EAEG untuk menyelaras dan memberi tumpuan kepada perkara khusus, umpamanya, jika ada perundingan mengenai sistem kewangan, EAEG akan mempunyai pendirian bersama.

"Kita boleh berbincang dan menyatakan pendirian kita, dan itu akan memberikan kita lebih kekuatan dalam sebarang keputusan antarabangsa," katanya.

Dr Mahathir berkata Kim mahukan negara-negara Asean menganggap ekonomi Korea sebagai satu pasaran dan bukan untuk ditakuti berdasarkan kepada EAEG.

Malahan, pemimpin Korea itu mencadangkan agar satu Sidang Kemuncak EAEG diadakan, katanya.

Dr Mahathir berkata Kim memberi jaminan bahawa dalam EAEG, tidak ada apa yang perlu ditakuti dari negara-negara Timur Laut (China, Jepun dan Korea Selatan) yang ekonomi mereka kuat, kerana Asean harus menganggap ekonominya sendiri sebagai pasaran yang baik bagi menyumbang kepada pertumbuhan Asia Tenggara.

"Beliau (Kim) paling berminat dan yang lain berminat terhadap kumpulan itu, dan kembali kepada rancangan asal menubuhkan EAEG," katanya.

Dr Mahathir, yang pulang ke tanah air selepas sidang media itu yang berlangsung di Istana Darut Taqwa di sini, berkata cadangan penubuhan EAEG dan Sidang Kemuncak Asia Timur telah diterima tetapi perbincangan

terperinci akan diadakan di peringkat pegawai.

Mengenai mesyuarat Asean+3, beliau berkata ia amat berguna dan berhasil kerana membolehkan pemimpin Asean membincangkan kemungkinan China-Asean menubuhkan satu kawasan perdagangan bebas.

"China mempunyai 1.7 bilion penduduk dan terdapat pasaran dan masa depan yang baik. Kita perlukan pasaran mereka dan kita telah membincangkan tentang kerjasama dalam bidang pertanian, teknologi maklumat dan komunikasi serta pelaburan dua hala," katanya.

Beliau juga berkata Asean ingin memajukan rantau kecil Mekong berdasarkan projek kereta api trans-Asia menghubungkan Singapura dan Malaysia dengan Kunming di China menerusi beberapa negara Asean lain.

Dr Mahathir berkata negara-negara Mekong -- Laos, Kemboja, Myanmar dan Vietnam -- mahukan hubungan kereta api itu disiapkan dan meminta bantuan kewangan dari China, Jepun dan Korea Selatan.

"Hubungan antara Thailand dan Kemboja berharga cuma US\$55 juta, dan mereka berharap sesetengah negara Asean akan menyumbang dan selebihnya mereka akan pinjam," katanya.

Dalam pertemuan dengan Jepun pula, Asean mencadangkan agar Tokyo menubuhkan sebuah universiti teknikal, mungkin di Malaysia, untuk melatih warga Asean.

"Kami memberitahu Jepun bahawa kini terdapat ramai penganggur di kalangan mereka yang cukup mahir, dan mereka (Jepun) boleh menggunakan mereka ini untuk mengendalikan sekolah latihan untuk pelbagai bidang kemahiran," kata Dr Mahathir.

Asean terdiri daripada Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

-- BERNAMA

DC MAI